JPA(S)324/6/28/Klt.2/(5)

LAMPIRAN 'A1'

IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pegawai Eksekutif

(b) Pentadbiran Negeri/: Badan Berkanun/ Kuasa-kuasa Tempatan

(c) Kumpulan : 'B'

2. Skel Gaji : B9: $830x40-910/Sekatan Percubaan/ 950x40-1190/Sekatan Kecekapan/ 1270x40x1470x60-1590

3. Syarat Lantikan : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

A. LANTIKAN TERUS

I. terdiri daripada warganegara;

II. berumur tidak melebihi 30 tahun dan bagi pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, badan berkanun dan kuasa tempatan tidak melebihi 50 tahun;

III. (a) Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan dari institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

DAN (b) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

B. KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Kerani (dengan syarat berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan) yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

2/-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 3A III(a) dan (b) di atas; ATAU

(i) berkhidmat di atas Tingkatan Kanan selama tidak kurang dari 2 tahun; dan

(ii) lulus Peperiksaan Khas.

4. Taraf Jawatan : Tetap.

5. Tempoh Percubaan : (a) Di antara 1 hingga 3 tahun.

(b) Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan tidak dikehendaki melalui tempoh percubaan.

6. Peperiksaan : (a) Pegawai Eksekutif dalam tempoh percubaan adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Am Kerajaan.

(b) Pegawai Eksekutif yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Am Kerajaan sebelum layak dipertimbangkan untuk melangkah sekatan kecekapan dan kenaikan pangkat seterusnya.

7. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Eksekutif adalah tertakluk di bawah skim perkhidmatan tersebut yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.